

# Malaysian Breastfeeding Peer Counselor (MBfPC)



Malaysian Breastfeeding Peer Counselor (MBfPC) adalah jaringan sukarelawan pembimbing Ibu-ke-Ibu (Peer Counselors) yang terlatih untuk memberikan galakan, maklumat dan sokongan kepada ibu-ibu dalam penyusuan ibu.

Program latihan MBfPC ini telah dikendalikan oleh Susulbu.com



dan sebahagian dana ditaja oleh United Nations Children's Fund (UNICEF)



serta mendapat sokongan daripada World Alliance for Breastfeeding Action (WABA).



## BORANG PENYERTAAN

Nama : \_\_\_\_\_

No. K/P : \_\_\_\_\_

Alamat :  
\_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

### KEGUNAAN PEJABAT

Tarikh : \_\_\_\_\_

No. Resit : \_\_\_\_\_

Bayaran : \_\_\_\_\_



## NUR KASIH 1 Susu Ibu : Cecair Bernilai Emas

Dialu-alukan hadir  
dengan membawa  
bersama pot luck



**YURAN  
PENDAFTTRAN**  
RM 5 SAHAJA

**Tarikh** : 19 Februari 2011 (Sabtu)  
**Masa** : 9.00 pagi - 12.30 tengah hari  
**Tempat** : Taska Ihsan Pusat Islam  
UTM

**Penyertaan** : Mahasiswa, staf UTM, wanita hamil / menyusu / merancang untuk berkahwin / sudah berkahwin dan ingin menambah ilmu penyusuan, pengasuh taska/tadika (boleh hadir bersama bayi dan suami atau pengasuh )

**Anjuran Bersama:**  
Pusat Islam, UTM

**Malaysian Breastfeeding Peer Counselor (MBfPC)**  
DuniaSusulbu.com

**Berminat Sila Hubungi:**  
(Pusat Islam, UTM : 07-5537501 / 05 / 08)  
(Mardziah ; MBfPC, DuniaSusulbu.com / 019-9532747)  
(Zulhaya; MBfPC / 013-7652551)

## Pendahuluan

Menyusu itu Fitrah. Menyusu itu Sunnah.

Penyusuan susu ibu telah diperaktikkan sejak zaman jahiliah lagi dan Rasulullah SAW telah disusukan oleh Halimah al-Saadiah.

Susu ibu merupakan makanan, kasih sayang dan perlindungan untuk bayi. Penyusuan susu ibu dapat memenuhi kesemua keperluannya.

Polisi Penyusuan Susu Ibu Malaysia menggariskan:

**“Semua ibu digalakkan menyusui anaknya dengan SUSU IBU sahaja dari lahir sehingga berumur 6 bulan dan meneruskannya sehingga mencapai umur 2 tahun. Makanan pelengkap perlu dimulakan semasa anak berumur 6 bulan”**

Apa jua yang anda lakukan, ilmu memainkan peranan yang sangat penting. Begitu juga halnya dalam penyusuan susu ibu. Jika mahu mengecap kejayaan dalam menyusukan bayi secara ekskusif, anda perlu menimba sebanyak mungkin pengetahuan tentang hal-hal berkaitan laktasi.

## MATLAMAT

Memberikan galakan, maklumat dan sokongan kepada ibu-ibu dan pengasuh teknik dan penyusuan yang efektif

## OBJEKTIF

- Membantu para ibu dan pengasuh mengetahui teknik-teknik penyusuan susu ibu yang betul.
- Memberi tips-tips yang berkesan untuk ibu-ibu meneruskan penyusuan susu ibu walaupun telah kembali bekerja.
- Menanam keyakinan di dalam diri ibu yang mereka boleh menyusu demi untuk kebaikan kesihatan anak.
- Aktiviti kumpulan sokongan akan membincangkan topik berkenaan cabaran yang dihadapi dalam penyusuan susu ibu dan cara mengatasinya.
- Perbincangan ini dilaksanakan dalam kumpulan kecil secara santai yang diketuai oleh seorang moderator.

## TENTATIF PROGRAM

8.30 pagi - 9.00 pagi	Pendaftaran
9.00 pagi - 10.00 pagi	<b>Slot I</b> <b>Tajuk: Penyusuan Susu Ibu Secara Mudah</b> Oleh: Mardziah Mohd Lokoman, Malaysian Breastfeeding Peer Counselor, pemilik web DuniaSusulbu.com
10.00 pagi - 10.30 pagi	Minum Pagi Secara Pot Luck & Tayangan Video
10.30 pagi - 10.45 pagi	<b>Perkongsian Santai</b> Dari Ibu (Noorul Syahadah Isam) Dari Bapa (Mohd Sham Mohamad)
10.45 pagi - 11.00 pagi	Kuiz (hadiyah ditaja oleh DuniaSusulbu.com)
11.00 pagi - 12.00 tengah hari	Aktiviti Support Group Meeting (SGM) <b>Tajuk: Cabaran yang dihadapi dalam penyusuan susu ibu</b>
12.00 tengah hari - 12.30 tengah hari	Pembentangan SGM
12.30 tengah hari	Bersurai

Antara aktiviti menarik yang akan dijalankan di booth MBfPC ialah:

- pameran poster dan risalah mengenai penyusuan susu ibu.
- Jualan produk penyusuan susu ibu (buku, pam payu dara, produk penambah air susu ibu, aksesori penyimpanan susu ibu, pek penyejuk, pakaian menyusu, pad payu dara, kain penutup semasa menyusu dan beg penyejuk).